Mesyuarat Khas Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang

KUANTAN, 27 Mac 2023 – Mesyuarat Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang telah berlangsung di Hotel Grand Darul Makmur, Kuantan pada hari ini.

Mesyuarat ini adalah khusus bagi pembentangan Rang Undang-Undang Tarikat Tasawwuf yang akan dibawa ke Dewan Undangan Negeri pada bulan hadapan dan dibentangkan oleh YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang, Dato' Saiful Edris Bin Zainuddin., DSAP.

Mesyuarat ini dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang dan dipengerusikan oleh YH Dato’ Sri Dr. Haji Abdul Rahman Bin Haji Osman, SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP., PKC.